



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

PERMOHONAN KUOTA PEKERJA ASING SECARA CASE BY CASE

Dimaklumkan bahawa jadual temuduga bagi permohonan kuota pekerja asing secara *case by case* di Pusat Sehenti (*One Stop Centre – OSC*) Pengurusan Pekerja Asing Kementerian Dalam Negeri (KDN) adalah seperti butiran berikut:

BIL	SEKTOR DAN AGENSI	SUB SEKTOR / KATEGORI MAJIKAN YANG DIBENARKAN	JADUAL TEMUDUGA
1.	PERKHIDMATAN:		
(i)	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) *Temuduga adalah secara temujanji sahaja.	Borong Runcit	Isnin * (temujanji)
		Pembersihan dan Pencucian	Selasa * (temujanji)
		Dobi • Industri dan Komersil Sahaja	
		Restoran: • Kuota Baharu dan Penggantian	Rabu & Khamis* (temujanji)
(ii)	Kementerian Pengangkutan (MOT)	Gudang Darat	Rabu
		Pengendalian Kargo • Penggantian Sahaja	
(iii)	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	Barang Logam dan Lusuh • Premis Berlesen Sahaja	Isnin

BIL	SEKTOR DAN AGENSI	SUB SEKTOR / KATEGORI MAJIKAN YANG DIBENARKAN	JADUAL TEMUDUGA
2.	PERTANIAN: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)	Tanaman • Sayur-sayuran, Buah- buahan dan Tanaman Industri Sahaja	Selasa
		Ternakan	Rabu
		Perikanan Akuakultur	Khamis
3.	PERLADANGAN: Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK)	Semua Jenis Tanaman	Selasa & Rabu
4.	PEMBINAAN: Kementerian Kerja Raya (KKR) / Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)	Projek-Projek Kerajaan / Berkepentingan Kerajaan Sahaja	Khamis
5.	PERKILANGAN: Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)	Pelaburan Baharu di Bawah MIDA • Kuota Baharu	Isnin - Rabu
		Kilang Sedia Ada Menggajikan Pekerja Asing • Penggantian	
6.	PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN: Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam	Mineral dan Bahan Batuan	Khamis

MAKLUMAT TAMBAHAN:

1) PERMOHONAN PENGGANTIAN

- a) Tarikh *Check Out Memo* (COM) yang dibenarkan:

SEKTOR	TARIKH COM
Perkhidmatan Restoran	Tahun 2024 sehingga terkini
Perkhidmatan Kargo	Tahun 2021 sehingga terkini
Perkilangan	Tahun 2024 sehingga terkini

- b) Majikan wajib mengemukakan **salinan COM** berserta **Surat Pengesahan Pekerja Asing Keluar** daripada Bahagian Pekerja Asing, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Ibu Pejabat atau JIM Negeri; dan
- c) Permohonan penggantian juga tertakluk kepada syarat minimum penggajian pekerja asing yang telah ditetapkan AKS.

2) SEKTOR PERKILANGAN

- a) Definisi **Pelaburan Baharu MIDA** adalah syarikat-syarikat yang telah diluluskan Lesen Pengilang di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 bermula pada **1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2025**.
- b) Pemohon perlu mengemukakan bersama **Surat Kelulusan Interim** semasa sesi temuduga.
- c) Kelulusan Lesen Pengilang tersebut adalah bagi **pelaburan baharu di bawah kategori projek-projek** berikut:
- i) Projek Baharu;
 - ii) Projek Pembesaran; atau
 - iii) Projek Pelbagaian.

3) SEKTOR PEMBINAAN

- a) Dibenarkan bagi projek-projek kerajaan / berkepentingan kerajaan sahaja; dan
- b) Dibuka kepada kontraktor utama atau *nominated sub contractor* (NSC) yang disahkan melalui **surat pengesahan** daripada kementerian/kerajaan negeri/agensi berkaitan.

4) SEKTOR PERKHIDMATAN DI BAWAH KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP (KPDN)

- a) Permohonan hendaklah dikemukakan di pautan <https://view.page/p/VGO6Ln> atau dengan mengimbas Kod QR di bawah:



- b) Sebarang pertanyaan berhubung permohonan boleh dikemukakan melalui alamat e-mel osc@kpdn.gov.my; dan
- c) Temuduga di OSC KDN hanya dibenarkan melalui **temujanji** yang ditetapkan selepas permohonan melalui e-mel dinilai oleh KPDN.

- 5) Permohonan boleh dikemukakan bermula pada **15 Oktober 2025 sehingga 31 Disember 2025** atau hari terakhir jadual temuduga mengikut sektor pada bulan Disember 2025 sahaja.
- 6) Senarai semak, borang permohonan, syarat dan kriteria kelayakan serta carta alir permohonan adalah seperti di **LAMPIRAN**.
- 7) Butiran dan maklumat mengenai proses temuduga adalah seperti berikut:

**Masa : 8.30 pagi hingga 12.00 tengahari
(Waktu mengambil nombor giliran)**

**8.30 pagi hingga 5.30 petang
(Sesi temuduga)**

**Tempat : Pusat Sehenti Pengurusan Pekerja Asing
Kementerian Dalam Negeri (KDN)
Aras 5, Setia Perkasa 9
Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 Putrajaya**

- 8) Sebarang pertanyaan boleh diajukan ke e-mel osc_kdn@moha.gov.my.

Sekian, terima kasih.

**PUSAT SEHENTI PENGURUSAN PEKERJA ASING
BAHAGIAN HAL EHWAL IMIGRESEN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**


14 OKTOBER 2025



PUSAT SEHENTI PENGURUSAN PEKERJA ASING

ARAS 5, SETIA PERKASA 9,
KOMPLEKS SETIA PERKASA, PUSAT PENTADBIRAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62546 PUTRAJAYA

Syarat kelayakan dan kriteria permohonan, senarai semak serta borang permohonan kuota penggajian pekerja asing yang terkini boleh didapati dan dimuat turun di portal KDN www.moha.gov.my di pautan Hal Ehwal Imigresen atau dengan mengimbas kod QR di bawah:



**SENARAI SEMAK & BORANG PERMOHONAN
KUOTA (OSC KDN)**

LAMPIRAN

CARTA ALIR PERMOHONAN KUOTA PENGGAJIAN PEKERJA ASING SECARA CASE BY CASE

CARTA ALIR	CATATAN
1. Majikan kemuka permohonan kepada OSC KDN ↓ 2. Tapisan awal dan temuduga oleh Agensi Kawal Selia (AKS) ↓ 3. Jemputan permohonan Kelulusan Awal Penggajian Pekerja Asing di bawah Seksyen 60K Akta Kerja 1955 daripada JTKSM melalui e-mel ↓ 4. Pengesahan AKS dan kelulusan kuota (Akuan Penerimaan - AP) ↓ 5. Pembayaran levi * ↓ 6. Serahan Surat Kelulusan Bersyarat	1. Majikan hadir ke <i>One Stop Centre</i> Pengurusan Pekerja Asing Kementerian Dalam Negeri (OSC KDN) mengikut jadual sektor yang ditetapkan. Permohonan penggantian perlu mengemukakan bersama Surat Pengesahan Keluar Pekerja Asing daripada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan <i>Check Out Memo</i> (COM) 2. Temuduga oleh Agensi Kawal Selia (AKS) mengikut sektor di OSC KDN. 3. Permohonan yang disokong oleh AKS akan menerima e-mel jemputan permohonan Kelulusan Awal Menggajikan Pekerja Asing di bawah Seksyen 60K Akta Kerja 1955 Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM). 4. Majikan mengemukakan Kelulusan Seksyen 60 Akta Kerja kepada OSC KDN untuk pengesahan AKS dan kelulusan kuota (Akuan Penerimaan – AP). 5. Majikan perlu membuat bayaran levi secara dalam talian melalui sistem e-Bayaran JIM dalam tempoh 15 hari dari tarikh kelulusan kuota. 6. Surat Kelulusan Bersyarat (SKB) Menggajikan Pekerja Asing diserahkan kepada majikan. Tempoh sah SKB adalah 12 bulan sahaja) * Bagi sektor pembinaan, urusan pembayaran levi dan kemasukan pekerja bagi kelulusan 100 kuota dan ke bawah diuruskan melalui <i>Construction Labour Exchange Berhad</i> (CLAB). (www.clab.com.my) Majikan boleh membuat bayaran levi secara dalam talian pada hari yang sama kelulusan kuota diperolehi dan terus mendapatkan SKB daripada kaunter OSC KDN.